

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 3 JANUARI 2014**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**  
**Selamat Tahun Baru 2014**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom**, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

**Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad**, Pendaftar UniMAP,

**Yang Berusaha Puan Saodah Hassan**, Bendahari UniMAP,

**Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir**, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini di tahun baru 2014. Terima kasih saya ucapkan buat semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan sokongan bukan sahaja kepada aktiviti senamrobik ini, malahan kepada semua aktiviti universiti yang kita anjurkan selama ini.

### **Semangat Tahun Baru**

2. Saya percaya tahun 2013 telah meninggalkan pelbagai pengalaman yang amat berharga buat kita semua. Banyak kejadian pahit dan manis telah kita lalui bersama. Harapan saya semoga segala azam yang kita rencanakan tahun lalu telah tercapai dan kita mulakan tahun 2014 ini dengan semangat yang baru.
3. Di kesempatan ini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga UniMAP yang sentiasa bersama-sama bertungkus lumus dalam membantu menaikkan nama Universiti yang kita sayangi ini. Tanpa usaha berpasukan kita sekian lama, pastinya UniMAP tidak akan dikenali di seluruh dunia. Sesungguhnya, anugerah **“The Name In Science”** dan **“Best Campus”** yang telah saya terima bagi pihak UniMAP

pada **Oxford Summit of Leader** daripada **Europe Business Assembly** baru-baru ini merupakan testimoni bahawa sekiranya kita bekerja bersungguh-sungguh, insyaa Allah kita akan memperolehi hasil yang diidam-idamkan.

4. Sebagai sebuah gedung ilmu, kita mempunyai amanah yang amat besar untuk dilaksanakan, iaitu melahirkan **MODAL INSAN** yang bakal menjadi pemimpin negara ini. Dalam usaha mendidik anak-anak kita ini, perlulah ada keikhlasan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Mulakanlah tugas dengan niat yang betul. Ketahuilah - tugas yang dilaksanakan itu merupakan ibadah yang telah diamanahkan oleh Allah SWT. Mudah-mudahan apa yang kita laksanakan mendapat keredaan dari Nya.

### **11 Langkah Penjimatan Kerajaan**

Hadirin dan hadirat sekalian

5. Seperti yang kita sedia maklum, baru-baru ini YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan **11 Langkah Penjimatan Kerajaan** bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam. UniMAP turut menyambut baik saranan yang akan membantu mewujudkan budaya berjimat cermat.
6. Hasil perbincangan bersama ketua jabatan yang diadakan baru-baru ini, kita telah mewujudkan satu **PELAN TINDAKAN PERBELANJAAN BERHEMAH** dari segi kewangan, UniMAP turut menggariskan panduan perbelanjaan berhemah bagi tahun 2014 sebagai menyahut pengumuman Perdana Menteri mengenai langkah berjimat dalam usaha mengurangkan perbelanjaan sektor awam.

7. Pada tahun ini **Konsep ERRS** iaitu **Eliminate, Reduce, Raise dan Create** akan dilaksanakan di semua peringkat Pusat Tanggungjawab bagi meningkatkan produktiviti dan efisiensi pengurusan operasi dan kewangan, antara langkah penjimatan yang telah digariskan adalah :

- *Penggunaan cenderahati sedia ada untuk sebarang majlis atau aktiviti.*
- *Kerja-kkerja yang melibatkan pembayaran elaun lebih masa di luar waktu pejabat juga perlu dikurangkan selain setiap kerja lebih masa terlebih dahulu perlu mendapat kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab.*
- *Aktiviti perjalanan dalam negeri dan luar negara juga perlu dikurangkan selain bilangan kakitangan terlibat semasa menghadiri mesyuarat atau seminar hendaklah dikurangkan kecuali melibatkan pameran atau pertandingan penyelidikan.*
- *Menggunakan syarikat penerbangan alternatif yang lebih murah bagi tempahan penerbangan perjalanan luar negara bagi mengurangkan perbelanjaan.*
- *Bagi penjimatan utiliti, langkah-langkah penjimatan perlu diambil dengan mematikan lampu, peralatan dan mesin semasa waktu rehat/tidak digunakan dalam jangka waktu panjang atau semasa pulang.*
- *Perkongasian peralatan/mesin/kemudahan universiti.*
- *Mengurangkan perolehan aset/bekalan dan perkhidmatan yang tidak perlu dan mengoptimumkan penggunaan perabot-perabot sedia ada yang masih boleh digunapakai.*
- *Permohonan baru bagi ubahsuai ruang pejabat dan bangunan dibekukan dan ruang pejabat sedia ada perlu dioptimumkan bagi mengurangkan sewaan premis pejabat.*
- *Semua kerja penyelenggaraan perlu dirancang dengan teliti bagi meminimakan kos selain dilaksanakan secara konsisten dan*

***berjadual bagi memanjangkan kos penyelenggaraan jangka panjang.***

- ***Penganjuran aktiviti/seminar/ bengkel/kursus/mesyuarat/ pameran anjuran universiti digalakkan diadakan di dalam negeri Perlis dengan menggunakan kemudahan di universiti dan kepakaran perkhidmatan staf sedia ada.***
- ***Pengurangan jamuan, penggunaan syarikat pengurusan acara, penggunaan kain pemedang, amalan pemberian cenderahati, selain penganjuran majlis dan upacara keraian diminimumkan melalui penggabungan beberapa aktiviti bersama.***
- ***Pengurangan pengambilan staf kontrak universiti***
- ***Mengurangkan program promosi di luar negara.***
- ***Menghadkan penyertaan kejohanan sukan kepada hanya yang benar-benar berprestij dan member impak kepada pembangunan sukan universiti.***
- ***Penubuhan PTJ/unit/bahagian baru perlu dikurangkan.***

8. Dalam usaha memastikan ianya menjadi kenyataan, komitmen dan kerjasama dari semua pihak amat diperlukan, sebagai permulaan di tahun baru ini, marilah kira berazam agar apa yang telah digariskan ini tidak hanya menjadi tulisan di atas kertas semata-mata.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **Hala Tuju UniMAP 2014**

- Kita sudah tiga hari menjejakkan kaki ke tahun baru 2014 dan seperti biasa UniMAP telah menggariskan pelbagai perancangan yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan lagi prestasi UniMAP sepanjang tahun ini. Hasil perbincangan dengan Pusat Pembangunan Korporat dan

Pengurusan Kualiti (PUSPEK) bersama Ketua-ketua Jabatan baru-baru ini. Kite telah menetapkan untuk menjadikan UniMAP berada di dalam kelompok **500 universiti teratas dunia dalam World University Rankings (WUR) dan 50 universiti teratas dalam QS Asian University Rankings (AUR). Alhamdulillah, saya bersyukur kerana atas hasil kerja keras semua warga UniMAP selama ini,** UniMAP kini telah berada di **kedudukan 242 QS Asian University** selain di kedudukan 13 di Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga UniMAP.

9. Walaupun pelbagai telah banyak kejayaan dan penghargaan yang UniMAP raih sepanjang 2013 lalu, tidak bermakna kita sudah boleh berpuas hati dengan semua itu. Sesungguhnya lebih mudah kita mendapatkan sesuatu daripada kita mempertahankannya. Ingatlah apa yang kita perolehi ini akan hilang sekiranya kita mudah merasa selesa dengan kejayaan yang dimiliki ini.

## **PENUTUP**

10. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi, semoga apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi iktibar serta dapat meningkatkan semangat kita semua bagi mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.